

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)

PENGEDARAN PRODUK TAKAFUL IKHLAS GENERAL BERHAD (“TIGB”) UNTUK TUJUAN PEMBAHARUAN

1. Mengapakah TIGB dilantik sebagai panel pengendali takaful HLISB?

Hong Leong Islamic Bank Berhad (“HLISB”) telah melantik TIGB sebagai pengendali takaful kami untuk memastikan kami dapat terus menawarkan penyelesaian kewangan yang komprehensif kepada para Pelanggan kami yang dihargai.

TIGB merupakan salah satu pengendali takaful am terkemuka di Malaysia dan mempunyai rangkaian cawangan yang meluas di tiga belas (13) lokasi di seluruh negara. Ia dimiliki sepenuhnya oleh MNRB Holdings Berhad.

2. Bagaimanakah pelantikan baharu ini akan memberi kesan kepada saya?

HLISB kini boleh menawarkan kepada anda produk takaful kebakaran dan empunya rumah/ isi rumah TIGB untuk tujuan pembaharuan setelah tamat tempoh sijil takaful Zurich General Takaful Malaysia Berhad (“ZGTMB”) yang sedia ada (untuk sijil baru yang diperolehi pada dan selepas bulan Julai 2018 dan akan tamat tempoh pada Februari 2020 dan seterusnya) dan polisi MSIG Insurance (Malaysia) Berhad (“MSIG”) yang sedia ada (untuk sijil baru yang diperolehi pada dan selepas bulan Julai 2018 dan akan tamat tempoh pada Mei 2020 dan seterusnya). Anda juga boleh membeli produk takaful am daripada pengendali-pengendali takaful yang lain di Malaysia. Sila hubungi kakitangan Jualan kami untuk bantuan.

3. Apakah perbezaan antara produk takaful kebakaran atau empunya rumah/isi rumah TIGB berbanding dengan produk takaful ZGTMB dan MSIG yang saya langgani sebelum ini?

Untuk mendapatkan maklumat terperinci berkaitan produk TIGB, anda boleh merujuk kepada Helaian Pendedahan Produk yang terdapat di www.takaful-ikhlas.com.my

4. Siapakah yang boleh saya hubungi bagi mendapatkan maklumat lanjut berkaitan perkara ini?

Sekiranya anda memerlukan sebarang bantuan atau penjelasan berkaitan perkara ini, sila hubungi:-

Hong Leong Contact Centre di talian 03 76268899

TIGB Contact Centre di talian 03 2723 9696 atau ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my